(4) Press the [⏻] button. Test run will be started. Test run setting mode screen appears on the LCD display. • The test run can be performed using the HEAT, COOL, or FAN operation mode. • The temperature cannot be adjusted when in test run mode. • If correct operation is not possible, a code is displayed on the remote controller LCD display. (Regarding the alarm contents, check the Operating Instructions.) (5) After the test run is completed, proceed from Step (1) and change to "OFF" at Step (2). • To prevent continuous test run, this remote controller includes a timer function that cancels the test run after 60 minutes.	

Note

- The outdoor units will not operate for approximately 3 minutes after the power is turned ON and after operation is stopped.

CARE AND CLEANING

⚠ WARNING	• For safety, be sure to turn the air conditioner off and also to disconnect the power before cleaning. • Do not pour water on the indoor unit to clean it. This will damage the internal components and cause an electric shock hazard.

Air intake and outlet side (Indoor unit)
Clean the air intake and outlet side of the indoor unit with a vacuum cleaner brush, or wipe them with a clean, soft cloth.
If these parts are stained, use a clean cloth moistened with water. When cleaning the air outlet side, be careful not to force the vanes out of place.

⚠ CAUTION	• Never use solvents or harsh chemicals when cleaning the indoor unit. Do not wipe plastic parts using very hot water. • Some metal edges and the fins are sharp and may cause injury if handled improperly; be especially careful when you clean these parts. • The internal coil and other components of outdoor unit must be cleaned regularly. Consult your dealer or service center.

Air filter
The air filter collects dust and other particles from the air and should be cleaned at regular intervals or when the filter indication (▦) on the display of the remote controller (wired type) shows that the filter needs cleaning. If the filter gets blocked, the efficiency of the air conditioner drops greatly.

Period	6 months

After Cleaning
1. After the air filter is cleaned, reinstall it in its original position. Be sure to reinstall in reverse order.
2. [In the case of Timer Remote Controller]
   Press the Filter reset button. The ▦ (Filter) indicator on the display goes out.

Timer Remote Controller	High-spec Wired Remote Controller	Wired Remote Controller

[In the case of High-spec Wired Remote Controller and Wired Remote Controller]
Refer to the Operating Instructions attached to the optional High-spec Wired Remote Controller or optional Wired Remote Controller.

Note

The frequency with which the filter should be cleaned depends on the environment in which the unit is used.
Clean the filter frequently for best performance in the area of dusty or oil spots regardless of filter status.

<How to clean the filter>
1. Remove the air filter from the air intake grille.
2. Use a vacuum cleaner to remove light dust. If there is sticky dust on the filter, wash the filter in lukewarm, soapy water, rinse it in clean water, and dry it.

<How to remove the filter>
1. Use a screwdriver to remove the bolt screw on each side for the two latches. (Be sure to reattach the two bolt screws after cleaning.)
2. Slide the latches of the air intake grille in the direction of the inside to open the grille.
3. The air intake grille opens downward.

⚠ CAUTION	• When cleaning the air filter, never remove the safety strap. If it is necessary to remove it for servicing and maintenance inside, be sure to reinstall the safety strap securely (hook on the grille side) after the work. • When the filter has been removed, rotating parts (such as the fan), electrically charged areas, etc. will be exposed in the unit's opening. Bear in mind the dangers that these parts and areas pose, and proceed with the work carefully

4. Push the side of the air filter marked with the indication arrow ▽ and pull it toward you. The air filter will be disengaged.

⚠ CAUTION	• Certain metal edges and the condenser fins are sharp and may cause injury if handled improperly; special care should be taken when you clean these parts. • Periodically check the outdoor unit to see if the air outlet or air intake is clogged with dirt or soot. • The internal coil and other components must also be cleaned periodically. Consult your dealer or service center.

Care: After a prolonged idle period
Check the indoor and outdoor unit air intakes and outlets for blockage; if there is a blockage, remove it.

Care: Before a prolonged idle period
- Operate the fan for half a day to dry out the inside.
- Disconnect the power supply and also turn off the circuit breaker.
- Clean the air filter and replace it in its original position.
- Outdoor unit internal components must be checked and cleaned periodically. Contact your local dealer for this service.

CHECK THE FOLLOWING ITEMS WHEN INSTALLATION IS COMPLETE

- After completing work, be sure to measure and record trial run properties, and store measuring data, etc.
- Measuring items are room temperature, outside temperature, suction temperature, blow out temperature, wind velocity wind volume, voltage, current, presence of abnormal vibration and noise, operating pressure, piping temperature, compressive pressure, airtight pressure.
- As to the structure and appearance, check the following items.

☐ Is circulation of air adequate?
☐ Is draining smooth?
☐ Is heat insulation complete (refrigerant and drain piping)?
☐ Is there any leakage of refrigerant?
☐ Is remote controller switch operated?
☐ Is there any faulty wiring?
☐ Are the terminal screws loosened?
M3...69-98N•cm {7-10kgf•cm}
M4...157-196N•cm {16-20kgf•cm}
M5...196-245N•cm {20-25kgf•cm}

HAND OVER

- Teach the customer the operation and maintenance procedures, using the operation manual (air filter cleaning, temperature control, etc.)

Optional Parts

- Refer to Installation manual of optional parts (sold separately).

As for work specifications of the outdoor unit, read the OUTDOOR UNIT INSTALLATION MANUAL attached to the outdoor unit.

ENGLISH
The English text is the original instructions.
Other languages are translation of original instructions.

ENGLISH
ACXF60-47420 (2/2)
PRINTED IN MALAYSIA

Panasonic

No. Model: S-1821PU**** S-2430PU**** S-3448PU****

ACXF60-47460

Arahan Pemasangan

⚠ AWAS

R32

GAS PENYEJUK

Penyaman Udara ini mengandungi dan beroperasi dengan gas penyejuk R32.

PRODUK INI MESTI DIPASANG ATAU DISERVIS OLEH KAKITANGAN YANG BERKELAYAKAN SAHAJA.

Rujuk undang-undang, peraturan, kod, manual pemasangan & operasi Kebangsaan, Negeri, dan wilayah, sebelum pemasangan, penyenggaraan dan/atau servis produk ini.

Perkakas Untuk Kerja Pemasangan

1 Pemutar skru Phillips
2 Pemutar skru kepala rata
3 Tolok aras
4 Gerudi elektrik, gerudi teras lubang (ø70 mm)
5 Perengkuh heksagon (4 mm)
6 Sepana
7 Pemotong paip
8 Pelulas
9 Pisau
10 Pengesan kebocoran gas
11 Pita pengukur
12 Meter suhu
13 Megohmmeter
14 Meter pelbagai
15 Perengkuh kilasan
18 N•m (1.8 kgf•m)
42 N•m (4.3 kgf•m)
55 N•m (5.6 kgf•m)
65 N•m (6.6 kgf•m)
16 Pam vakum
17 Tolok pancarongga

Penjelasan simbol dipaparkan pada unit dalaman atau unit luaran.

(simbol api)	AMARAN	Simbol ini menunjukkan bahawa peralatan ini menggunakan gas penyejuk mudah bakar. Nyalaan api mungkin berlaku jika gas penyejuk bocor bersama-sama dengan sumber nyalaan api luaran.
(simbol buku)	AWAS	Simbol ini menunjukkan bahawa Manual Pemasangan hendaklah dibaca dengan teliti.
(simbol manual servis)	AWAS	Simbol ini menunjukkan bahawa kakitangan perkhidmatan hendaklah mengendalikan peralatan ini dengan merujuk kepada Manual Pemasangan.
(simbol i)	AWAS	Simbol ini menunjukkan bahawa terdapat maklumat yang dimasukkan dalam Manual Operasi dan/atau Manual Pemasangan.

PERINGATAN KESELAMATAN

- Baca "PERINGATAN KESELAMATAN" yang berikut dengan teliti sebelum pemasangan.
- Kerja elektrik mesti dipasang oleh juruelektrik berlesen. Pastikan palam kuasa dan litar utama untuk model yang hendak dipasang itu mempunyai kadaran yang betul.
- Item amaran yang dinyatakan di sini mesti dipatuhi kerana kandungan penting ini adalah berkaitan dengan keselamatan. Makna setiap petunjuk yang digunakan adalah seperti berikut. Pemasangan yang tidak betul kerana mengabaikan arahan akan menyebabkan bahaya atau kerosakan, dan tahap keterukan dikelaskan dengan petunjuk yang berikut.

⚠ AMARAN	Petunjuk ini menandakan kemungkinan kematian atau kecederaan serius.
⚠ AWAS	Petunjuk ini menandakan kemungkinan kecederaan atau kerosakan kepada harta sahaja.

Item berikut dikelaskan dengan simbol:

⃠	Simbol dengan latar belakang putih menandakan perkara yang DILARANG.
❗ ⏚	Simbol dengan latar belakang gelap menandakan item yang mesti dilakukan.

- Melakukan jalanan ujian untuk mengesahkan bahawa tiada ketaknormalan terjadi setelah pemasangan. Kemudian, menjelaskan untuk pengguna tentang operasi, penjagaan dan penyenggaraan seperti yang dinyatakan dalam arahan. Sila ingatkan pelanggan supaya menyimpan arahan pengendalian untuk rujukan masa hadapan.

⚠ AMARAN	
⃠	Jangan gunakan cara selain daripada yang disyorkan oleh pengilang untuk mempercepatkan proses penyahfrosan atau membersih. Mana-mana kaedah yang tidak sesuai atau menggunakan bahan yang tidak serasi boleh menyebabkan produk rosak, pecah dan kecederaan serius.
⃠	Jangan pasangkan unit luaran berhampiran pinggir beranda. Jika unit penyaman udara dipasang di beranda bangunan tinggi, kanak-kanak mungkin memanjat ke atasnya untuk melangkah melepasi rel pengadang dan mungkin terjatuh.
⃠	Jangan gunakan kord yang tidak ditetapkan, kord ubah suai, kord sambungan atau kord pemanjangan untuk kord bekalan kuasa. Jangan kongsi alur keluar tunggal dengan perkakas elektrik yang lain. Sentuhan yang tidak rapi, penebatan yang tidak sempurna atau lebih arus akan menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran.
⃠	Jangan mengikat kord bekalan kuasa dengan band menjadi gumpalan. Kenaikan suhu yang luar biasa pada kord bekalan kuasa mungkin berlaku.
⃠	Jangan masukkan jari anda atau objek lain ke dalam unit, kipas yang berputar dengan kelajuan tinggi boleh menyebabkan kecederaan.
⃠	Jangan duduk atau pijak unit, anda mungkin terjatuh.
⃠	Jauhkan beg plastik (pembungkus) daripada kanak-kanak, ia boleh melekap pada hidung dan mulut dan menghalang pernafasan.
⃠	Apabila memasang atau mengalihkan kedudukan penyaman udara, jangan biarkan sebarang bahan selain daripada gas penyejuk yang ditetapkan, cth. udara dll. bercampur ke dalam kitaran (paip) penyejukan. Campuran udara akan menyebabkan tekanan tinggi yang tidak normal dalam kitaran penyejukan dan menyebabkan letupan, kecederaan dll.
⃠	Jangan tebuk atau bakar kerana perkakas dimampatkan. Jangan dedahkan perkakas kepada haba, api, percikan api, atau lain-lain sumber nyalaan api. Jika tidak, ia boleh meletup dan menyebabkan kecederaan atau kematian.
⃠	Jangan menambah atau menggantikan gas penyejuk yang bukan daripada jenis yang ditentukan. Ia boleh menyebabkan kerosakan pada produk, pecah dan kecederaan dsb.
❗	• Untuk model R32, menggunakan perpaipan, nat kembangan dan perkakas yang ditentukan untuk bahan penyejuk R32. Menggunakan perpaipan (R22), nat kembangan dan perkakas sedia ada boleh menyebabkan tekanan yang luar biasa tinggi dalam kitaran bahan penyejuk (perpaipan), dan mungkin boleh mengakibatkan letupan dan kecederaan. Untuk R32 dan R410A, nat kembang yang sama pada sisi unit luaran dan paip boleh digunakan. • Memandangkan tekanan kerja untuk R32/R410A adalah lebih tinggi daripada model bahan penyejuk R22, disyorkan untuk menggantikan paip konvensional dan nat kembang pada sisi unit luaran. • Jika menggunakan semula paip yang sedia ada tidak dapat dielakkan, rujuk pada arahan ③ **PEMASANGAN BAHAN PENYEJUK (JIKA MENGGUNAKAN SEMULA PERPAIPAN BAHAN PENYEJUK YANG SEDIA ADA)** di manual pemasangan unit luaran. • Ketebalan paip tembaga yang digunakan dengan R32 mestilah melebihi 0.6 mm. Jangan gunakan paip tembaga yang lebih nipis daripada 0.6 mm. Untuk paip tembaga ø15.88 atau lebih, guna paip tembaga dengan ketebalan 0.8 mm dan ke atas. • Jumlah sisa minyak hendaklah kurang daripada 40 mg/10 m.
❗	Sila dapatkan khidmat wakil penjual atau pakar yang sah untuk melaksanakan kerja pemasangan. Jika kerja pemasangan yang dilakukan oleh pengguna tidak betul, ia boleh mengakibatkan kebocoran air, kejutan elektrik atau kebakaran.
❗	Bagi kerja sistem penyejukan, kerja pemasangan hendaklah dijalankan menurut arahan pemasangan yang ditetapkan. Pemasangan yang tidak betul, boleh mengakibatkan kebocoran air, kejutan elektrik atau kebakaran.
❗	Sila gunakan aksesori dan alatan yang disediakan ketika menjalankan kerja pemasangan. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan set berkenaan jatuh, mengalami kebocoran air, kebakaran atau kejutan elektrik.
❗	Pasangkan di tempat yang kukuh iaitu yang dapat menahan berat set. Sekiranya set tidak dipasang dengan kukuh atau pemasangan tidak betul, set tersebut boleh jatuh dan mengakibatkan kecederaan.
❗	Untuk kerja elektrik, patuhi peraturan dan undang-undang kebangsaan serta arahan pemasangan ini. Satu litar bebas dan sesalur tunggal mestilah digunakan. Kapasiti litar yang tidak memadai atau kerosakan dalam kerja-kerja elektrik boleh menyebabkan kejutan elektrik atau kebakaran.
❗	Jangan gunakan kabel sambungan untuk kabel penyambungan dalaman/luaran. Gunakan kabel sambungan dalaman/luaran yang ditetapkan, rujuk kepada arahan ⑥ **PENDAWAIAN ELEKTRIK** dan sambungkan dengan rapi bagi penyambung dalaman/luaran. Kapitkan kabel tersebut supaya tiada daya luaran yang akan memberikan impak kepada terminal. Penyambungan atau pemasangan yang tidak sempurna boleh menyebabkan pemanasan atau kebakaran pada bahagian penyambungan.
❗	Penghalaan dawai mestilah diatur sebegitu rupa agar penutup papan kawalan terpasang dengan sempurna. Jika penutup papan kawalan tidak dipasang dengan baik, kebakaran atau kejutan elektrik boleh berlaku.
❗	Alat ini mesti dipasang dengan Pemutus Litar Bocor Bumi (ELCB-Earth Leakage Circuit Breaker) atau Peranti Arus Baki (RCD-Residual Current Device), dengan kepekaan 30mA pada 0.1 saat atau kurang. Jika tidak, kejutan elektrik dan kebakaran mungkin berlaku sekiranya ada kerosakan alat atau penebat.
❗	Semasa pemasangan, pasang paip gas penyejuk dengan betul sebelum menjalankan pemampat. Operasi pemampat tanpa memasang perpaipan penyejukan dan injap dalam kedudukan terbuka akan menyebabkan udara tersedut ke dalam, tekanan tinggi yang tidak normal dalam kitaran penyejukan dan menyebabkan letupan, kecederaan dll.
❗	Semasa operasi menekan butang, hentikan pemampat sebelum mengeluarkan perpaipan pendinginan. Membuang paip penyejukan semasa pemampat sedang beroperasi dan injap terbuka akan menyebabkan penyedutan udara, tekanan tinggi yang tidak normal dalam kitaran penyejukan dan menyebabkan letupan, kecederaan dll.
❗	Ketatkan nat pengembangan dengan perengkuh kilas mengikut kaedah yang ditetapkan. Jika nat kembangan terlalu ketat, lama-kelamaan ia mungkin pecah dan ini menyebabkan kebocoran gas pendingin.
❗	Setelah siap dipasang, pastikan kebocoran gas penyejuk pada sistem pendingin. Gas toksik mungkin terhasil apabila gas penyejuk didedahkan kepada api.
❗	Udarakan kawasan jika gas penyejuk bocor semasa operasi pemasangan. Gas toksik mungkin terhasil apabila gas penyejuk didedahkan kepada api.
❗	Perlu diketahui bahawa gas penyejuk mungkin tidak berbau.
⏚	Alat ini mesti dibumikan dengan betul. Talian bumi mestilah tidak tersambung dengan paip gas, paip air, talian bumi bagi rod kilat atau telefon. Jika tersambung, kejutan elektrik mungkin berlaku sekiranya ada kerosakan alat atau penebat.

⚠ AWAS	
⃠	Jangan memasang unit di tempat kebocoran gas yang mudah terbakar mungkin berlaku. Jika kebocoran gas berlaku dan berkumpul di persekitaran unit, ia akan menyebabkan kebakaran.
⃠	Cegah cecair atau wap daripada memasuki celah atau pembetung kerana wap adalah lebih berat daripada udara dan mungkin membentuk atmosfera yang menyesakkan.
⃠	Jangan mengecas unit secara berlebihan, rujuk spesifikasi cas gas di manual Pemasangan Luaran. Cas berlebihan boleh mengakibatkan lebih arus dan merosakkan pemampat.
⃠	Jangan bebaskan gas pendingin semasa menjalankan kerja perpaipan bagi pemasangan, pemasangan semula dan ketika membaiki bahagian pendinginan. Berhati-hatilah ketika mengendalikan gas penyejuk cecair kerana ia boleh menyebabkan reput fros.
⃠	Jangan pasang alat ini di dalam bilik mendobi atau di tempat lain di mana air mungkin menitis dari siling, dsb.
⃠	Jangan sentuh kepingan aluminium, bahagian yang tajam boleh menyebabkan kecederaan.
❗	Saluran perpaipan hendaklah dipasang seperti yang tercatit dalam arahan pemasangan. Saliran yang tidak sempurna boleh mengakibatkan air memasuki bilik dan merosakkan perabot.
❗	Pilih lokasi pemasangan yang dapat memudahkan penyelenggaraan. Pemasangan tidak betul, servis atau pembaikan penyaman udara ini boleh meningkatkan risiko kerosakkan dan ini boleh mengakibatkan kerugian, kecederaan dan/atau kerugian harta.
❗	Kabel sambungan dalaman luaran. Gunakan kord bekalan kuasa 4 x 2.5 mm² (2.0 ~ 6.0HP) penentuan jenis 60245 IEC 57 atau kord yang lebih tahan lasak.
❗	Kerja pemasangan. Dua orang mungkin diperlukan untuk melaksanakan kerja pemasangan.
❗	Pastikan mana-mana bukaan pengudaraan yang diperlukan tiada halangan.

PERINGATAN BAGI MENGGUNAKAN GAS PENYEJUK R32

- Prosedur kerja pemasangan asas adalah sama dengan model bahan penyejuk konvensional (R410A, R22). Walau bagaimanapun, perhatikan dengan teliti perkara-perkara berikut:

⃠	Jangan melakukan sambungan kembangan di dalam bangunan atau kediaman atau bilik, apabila menyambungkan penukar haba unit dalaman dengan paip bersambung. Sambungan bahan penyejuk di dalam bangunan atau kediaman atau ruang mesti dibuat dengan pateri atau kimpalan. Menyambung sambungan unit dalaman dengan kaedah pengembangan hanya boleh dilakukan di luar atau luar bangunan atau kediaman atau bilik. Sambungan kembangan boleh menyebabkan kebocoran gas dan suasana mudah terbakar.
❗	Perkakas hendaklah disimpan, dipasang dan dioperasikan dengan betul di dalam bilik pengudaraan yang baik dengan kawasan lantai tertutup yang lebih luas daripada A_{min} (m²) [Rujuk pada Pemeriksaan Had Ketumpatan] dan tanpa sebarang sumber nyalaan api yang berterusan. Jauhkan daripada api terbuka, perkakas gas yang beroperasi atau mana-mana pemanas elektrik yang beroperasi. Jika tidak, ia boleh meletup dan menyebabkan kecederaan atau kematian.
❗	Rujuk pada "PERINGATAN BAGI MENGGUNAKAN GAS PENYEJUK R32" di manual pemasangan unit luaran untuk peringatan lain yang perlu diambil perhatian.

UNIT DALAMAN

Pemeriksaan Had Ketumpatan

Bahan penyejuk (R32), yang digunakan pada penyaman udara adalah bahan penyejuk mudah terbakar. Jadi, keperluan untuk ruang pemasangan perkakasan ditentukan berdasarkan kepada jumlah cas bahan penyejuk [m_c] yang digunakan pada perkakas.

Berdasarkan jumlah cas bahan penyejuk [m_c] yang digunakan pada bahan perkakas, rujuk kepada arahan pemasangan untuk unit luaran.

Ruang lantai dalaman minimum berbanding dengan jumlah cas bahan penyejuk adalah seperti yang berikut:



[m_c] kg	[A_{min}]
1.84	3.7
1.9	3.8
2.0	4.0
2.1	4.2
2.2	4.4
2.3	4.6
2.4	4.8

$A_{min} = (m_c / (2.5 \times (LFL)^{(5/4)} \times h_0))^2$ ** tidak kurang daripada margin faktor keselamatan

A_{min} = Kawasan ruang minimum yang diperlukan, dalam m²
m_c = Caj gas penyejuk dalam perkakas, dalam kg
LFL = Had kemudahbakaran bawah (0.307 kg/m³)
h_0 = Ketinggian pemasangan perkakas ialah 2.2 m.
SF = Faktor keselamatan dengan nilai 0.75

** Kawasan bilik minimum diperlukan, A_{min}, juga harus dikendalikan mengikut formula margin keselamatan seperti yang di bawah :

$A_{min} = m_c / (SF \times LFL \times h_0)$

Nilai lebih tinggi harus diambil kira semasa menentukan kawasan bilik.

$m_c \le 1.84$: Boleh dipasang
$1.84 < m_c \le m_{maks}$: Boleh dipasang atas "Garis Had Ketumpatan" *1

*1 Rujuk jadual dan arahan pemasangan unit dalaman semasa menentukan "Garis Had Ketumpatan".

AKSESORI YANG DIMASUKKAN KE DALAM BEKAS UNIT DALAMAN

Nama Bahagian	Rajah	Kuantiti	Catatan	Nama Bahagian	Rajah	Kuantiti	Catatan
Gambar rajah pemasangan skala penuh		1	Dicetak pada kotak bekas	Hos saliran		1	
Sesendal		8	Untuk bolt gantungan	Pengikat hos		1	Untuk merapikan hos saliran
Skru		4	Untuk gambar rajah pemasangan skala penuh	Pengapit		4	Untuk pendawaian elektrik

1 MEMILIH LOKASI UNTUK UNIT DALAMAN

Sediakan port pemeriksaan di siling bahagian paip untuk kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan.

- Pasang unit dalaman setelah syarat-syarat berikut dipenuhi dan selepas menerima kelulusan pelanggan.
  1. Unit dalaman mestilah mempunyai ruang sekeliling untuk kerja penyelenggaraan.
  2. Unit dalaman mestilah tidak mempunyai halangan di laluan alur masuk dan alur keluar udaranya, dan mesti membenarkan penyebaran udara ke seluruh bilik.



- Jika ketinggian dari lantai ke siling melebihi tiga meter, penyaluran aliran udara merosot dan kesannya berkurang.

⚠ AMARAN

3. Kedudukan pemasangan mesti dapat menyokong beban sebanyak empat kali ganda berat unit dalaman.
4. Unit dalaman mesti jauh dari sumber haba dan wap, tetapi elakkan daripada memasang unit ini berdekatan pintu masuk.
5. Unit dalaman mesti membenarkan penyaliran yang mudah.
6. Unit dalaman mesti membenarkan penyambungan yang mudah ke unit luaran.
7. Letakkan unit dalaman menurut ketinggian dari siling seperti yang ditunjukkan di dalam gambar rajah di bawah.
8. Unit dalaman mesti berada sekurang-kurangnya 3 m dari sebarang peralatan penjana hingar. Pendawaian elektrik mesti dilindungi menggunakan pembuluh keluli.
9. Sekiranya bekalan kuasa menjana hingar, tambah penindas.
10. Jangan pasang unit dalaman di tempat mendobi. Kejutan elektrik mungkin akan berlaku.
11. Ketinggian pemasangan bagi unit dalaman hendaklah sekurang-kurangnya 2.2 m.

Nota • Kaji lokasi pemasangan berikut dengan teliti

1. Di tempat-tempat seperti restoran dan dapur, jumlah wap minyak dan tepung yang banyak yang melekat pada kipas turbo, sirip penukar haba dan pam saliran, menyebabkan pengurangan tukaran haba, semburan, serakan titisan air, kerosakan pam saliran, dll.
Dalam keadaan begini, ambil tindakan yang berikut:
- Pastikan bahawa kipas pengudaraan bagi hud pengumpul asap di atas meja masak mempunyai kapasiti yang mencukupi agar ia dapat menyedut wap berminyak yang tidak sepatutnya mengalir masuk ke dalam bahagian sedutan penyaman udara.
- Pastikan penyaman udara dipasang jauh dari ruang memasak agar ia tidak menyedut wap berminyak.



2. Elakkan daripada memasang penyaman udara di tempat yang terdapat wap minyak pemotongan atau serbuk besi terutama sekali di kilang, dll.
3. Elakkan tempat di mana gas mudah terbakar dihasilkan, mengalir masuk, mencemarinya, atau bocor.
4. Elakkan tempat yang boleh menghasilkan gas asid sulfurus atau gas mengkakis.
5. Elakkan tempat berhampiran penjana frekuensi tinggi.

4 PERPAIPAN SALIRAN UNIT DALAMAN

- Semasa memasang perpaipan set saliran, pasang sebagaimana ditunjukkan di dalam rajah di bawah.
(※ Jangan gunakan hos saliran yang bengkok dengan 90°)



- Perpaipan saliran mesti mempunyai cerun turun (1/50 hingga 1/100); pastikan anda menyediakan cerun naik dan turun untuk mengelakkan aliran terbalik.
- Semasa penyambungan paip saliran, sila berhati-hati agar tidak mengenakan daya berlebihan terhadap port saliran di unit dalaman.
- Diameter luar sambungan saliran di unit dalaman ialah 32 mm.
- **Bahan perpaipan:** Paip polivinil klorida (PVC) VP-25 dan pasangan paip.
- Pastikan anda menjalankan penebatan haba pada perpaipan saliran. (Rujuk kepada ⑤ **PENEBATAN HABA** seksyen penebatan haba untuk pemasangan perpaipan saliran & paip saliran).

SEBELUM MELAKUKAN PEMASANGAN PADA PAIP SALIRAN

1) Had Ketinggian Sambungan Paip Saliran
- Paip saliran boleh ditinggikan kepada maksimum 850 mm daripada bawah siling.
- Jangan tinggikannya melebihi 850 mm.



2) Had Sambungan Paip Saliran
- Jangan pasangkan paip saliran dengan cerun ke atas dari sambungan port saliran. Ia akan menyebabkan air saliran mengalir ke belakang dan bocor apabila unit tidak beroperasi.
- Jangan pasangkan pembuang udara kerana ia boleh menyebabkan air menyembur dari salur keluar paip saliran.
- Jangan letakkan perangkap berbentuk U atau loceng di dalam paip saliran. Ia boleh menghasilkan bunyi yang tidak normal.



3 PERPAIPAN BAHAN PENYEJUK

SAMBUNGKAN PERPAIPAN KEPADA UNIT DALAMAN

Untuk menyambungkan sambungan semua model

Hasilkan kembangan selepas memasukkan nat pengembangan (ditempatkan di bahagian sambungan tiub pemasangan) pada paip tembaga. (Apabila menggunakan perpaipan yang panjang)

Menyambung perpaipan
- Jajarkan pusat paip dan ketatkan nat pengembangan dengan tangan.
- Ketatkan lagi nat pengembangan dengan perengkuh tork mengikut tork yang ditentukan seperti dalam jadual.



Peringatan Tambahan Untuk Model R32 apabila menyambung dengan mengembangkan ke bahagian dalaman

❗ Pastikan untuk memasang semula paip sebelum menyambung ke unit bagi mengelakkan kebocoran

Kedapkan nat kembangan dengan sempurna (kedua-dua bahagian gas dan cecair) dengan pengawetan neutral (jenis Alkoksi) & bahan kedap silikon bebas ammonia dan bahan penebat untuk mengelakkan kebocoran gas yang disebabkan oleh pembekuan.

※ Penggunaan silikon mengandungi ammonia boleh menyebabkan kakisan tekanan pada penyambung & boleh mengakibatkan kebocoran.

Pengawetan neutral (jenis Alkoksi) & bahan kedap silikon bebas ammonia hanya akan digunakan selepas ujian tekanan dan pembersihan dilakukan mengikut arahan bahan kedap berikut, hanya untuk luar sambungan. Tujuannya adalah untuk mengelakkan kelembapan daripada memasuki sambungan dan kemungkinan pembekuan. Pengawetan bahan kedap akan mengambil sedikit masa. Pastikan bahan kedap tidak akan mengupas ketika membalut penebat.



1. Memateri paip.
   a. Lakukan pematerian sebelum mengetatkan nat pengembangan.
   b. Pematerian mesti dilakukan sambil meniup gas nitrogen.
   (Ini mengelakkan penghasilan kerak oksida dalam paip kuprum.)
2. Apabila terdapat banyak pematerian bagi paip yang panjang, pasang penapis di pertengahan paip itu. (Penapis perlu disediakan secara sendiri.)
3. Gunakan paip kuprum yang bersih dengan permukaan dinding dalamnya bebas daripada lembapan dan habuk. Tiup gas nitrogen atau udara untuk menerbangkan habuk di dalam paip sebelum menyambungkannya.
4. Susun paip mengikut laluannya. Elakkan daripada membengkokkan dan membengkokkan semula titik paip yang sama lebih daripada tiga kali. (Ini akan menyebabkan pengerasan paip).
5. Selepas mengubah bentuk paip, jajarkan pusat penyambung unit dalaman dan paip, dan ketatkannya dengan rapi menggunakan perengkuh.
6. Sambungkan paip ke injap servis atau injap bebola yang terletak di bawah unit luaran.
7. Selepas menyiapkan penyambungan paip, pastikan anda memeriksa jika terdapat kebocoran gas di sambungan dalaman dan luaran.

Bahan penyejuk disambungkan ke unit luaran. Untuk butiran terperinci, lihat manual untuk kerja pemasangan unit luar. (Pengecasan tambahan, dll.)



- Pastikan sambungan (sebelah yang tipis) sentiasa berada di arah yang lebih rendah selepas menyambungkan paip.

⚠ AWAS	Gunakan dua perengkuh dan ketatkan dengan kilas biasa.

PENGERINGAN HAMPAGAS

Selepas menyiapkan penyambungan paip, jalankan pengeringan hampagas untuk paip penyambung dan unit dalaman.

Pengeringan hampagas mesti dijalankan dengan menggunakan port servis bagi kedua-dua injap bahagian cecair dan gas.

Kilas pengetat nat pengembangan N•m (kgf•cm)			
ø6.35 mm	18 (180)	ø12.7 mm	55 (560)
ø9.52 mm	42 (430)	ø15.88 mm	65 (660)

		S-1821PU****	S-2430PU****	S-3448PU****
Cecair	mm (in)	ø6.35 (1/4)	ø9.52 (3/8)	
Gas	mm (in)	ø12.70 (1/2)	ø15.88 (5/8)	

2 PEMASANGAN UNIT DALAMAN

Penyaman udara ini menggunakan motor salir naik. Pasangkan unit secara mendatar menggunakan tolok aras.

UKURAN BUKAAN SILING DAN LOKASI BOLT GANTUNG

Model kertas untuk pemasangan mengembang atau mengecut mengikut suhu dan kelembapan. Periksa ukurannya sebelum menggunakannya.

⚠ AWAS	Semasa pemasangan, sila berhati-hati agar tidak merosakkan wayar elektrik.

- Ukuran model kertas bagi pemasangan sama dengan ukuran bukaan siling.
- Pastikan anda membincangkan kerja penggerudian siling dengan para pekerja yang terlibat.



KEDUDUKAN GANTUNGAN BADAN PENYAMAN UDARA

Tetapan ruang di antara badan penyaman udara dengan permukaan siling hendaklah 12mm ~ 17mm seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.
(Pelarasan arah ketinggian hendaklah dilakukan selepas memasang panel hiasan.)



KEDUDUKAN BADAN PENYAMAN UDARA DAN PERMUKAAN SILING





* Bahagian yang bertindih antara siling dan panel untuk kaset hendaklah melebihi 20 mm.

⚠ AMARAN	Ketatkan nat dan bolt untuk menghalang unit daripada terjatuh.

- Pastikan paip saliran mempunyai cerun ke bawah (1/100 atau lebih; ke bawah dari sambungan port saliran).





1) Had Sambungan Hos Saliran



UJIAN SALIRAN

Penyaman udara menggunakan motor salir naik untuk menyalirkan air. Gunakan prosedur yang berikut untuk menguji operasi motor salir naik.
- Sambungkan paip saliran utama dengan luaran kemudian tinggalkan sehingga tamat ujian.
- Masukkan air ke dalam hos saliran boleh lentur dan periksa perpaipan untuk mengesan kebocoran.
- Pastikan anda memeriksa bahawa motor salir naik beroperasi dengan normal dan sama ada terdapat bunyi bising apabila pendawaian elektrik siap.
- Setelah tamat ujian, sambungkan hos saliran boleh lentur dengan port saliran.



5 PENEBATAN HABA

⚠ AWAS	Pastikan anda menjalankan penebatan haba pada saliran, perpaipan cecair dan gas. Ketidaksempurnaan kerja penebatan haba mengakibatkan kebocoran air.

PENEBAT HABA UNTUK TIUB BAHAN PENYEJUK

1. Pemilihan bahan penebatan haba untuk tiub bahan penyejuk.
Apabila menggunakan bahan penebat haba (bekalan medan), pastikan Periksa saiz dan prestasinya.
- **Bahan untuk bahan penebat:** Busa polietilena.
- **Kadar pindahan haba:** kurang daripada 0.051 W/m.K.
- **Bahan tahan suhu:** sehingga 110˚C Maks.
- Mestilah mudah digunakan, tahan lama dan tidak mudah menyerap lembapan.
- Pastikan saiz bahan penebat di bawah adalah sama dengan saiz tiub.



Saiz paip, mm (In)	Saiz penebatan terma (I.D)	Ketebalan penebatan terma
6.35 (1/4")	8 ~ 10 mm	Ketebalan penebatan mestilah 10 mm atau lebih tebal
9.52 (3/8")	12 ~ 15 mm	
12.70 (1/2")	14 ~ 16 mm	
15.88 (5/8")	16 ~ 20 mm	

2. Memita nat kembangan
- Lilitkan pita penebat putih di sekeliling nat kembangan pada sambungan tiub gas.
- Tutup sambungan tiub dengan penebat tiub (bekalan medan).

3. Memita Tiub
- Tiub bahan penyejuk (dan pendawaian elektrik jika dibenarkan oleh setempat) hendaklah dipitakan bersama-sama dengan pita pemerisaian dalam 1 berkas. Pastikan hos saliran terpisah dengan tiub bahan penyejuk untuk mengelakkan kondensasi.
- Balut pita pemerisaian dari bawah unit luaran ke bahagian tiub di mana ia memasuki dinding. Tindan separuh daripada setiap pusingan sebelumnya.
- Kapit tiub pada dinding, menggunakan 1 pengapit kira-kira setiap meter.



LANGKAH BERJAGA-JAGA DALAM KEADAAN BERKELEMBAPAN TINGGI

Penyaman udara ini telah diuji mengikut "Keadaan Standard Berkabus JIS" dan telah disahkan tiada kegagalan. Namun, jika ia dikendalikan untuk tempoh yang lama dalam persekitaran berkelembapan tinggi (suhu takat embun: lebih daripada 23°C), titisan air mudah menitik. Dalam keadaan ini, tambah bahan penebatan haba menurut prosedur yang berikut:
- Bahan penebatan haba yang perlu disediakan. Wul kaca adiabatik dengan ketebalan 10 hingga 20 mm.
- Lekatkan wul pada semua penyaman udara yang berhampiran siling.
- Selain daripada penebatan haba biasa (ketebalan: lebih daripada 10 mm) perpaipan bahan penyejuk (perpaipan gas: paip tebal) dan perpaipan saliran, tambah lagi bahan dengan ketebalan 10 mm hingga 30 mm.

PENEBAT HABA UNTUK PERPAIPAN SALIRAN DAN PEMASANGAN PAIP SALIRAN

1. Pemilihan bahan penebatan haba untuk perpaipan saliran dan paip saliran. Apabila menggunakan bahan penebatan haba (Bekalan Medan). Sila guna tiub bahan penyejuk yang sama saiz dan prestasi. Periksa saiznya seperti jadual di bawah:

Bahan penebat	Ketebalan penebatan haba
Busa polietilena (sama seperti penebat haba untuk tiub bahan penyejuk)	Ketebalan penebatan mestilah 10mm atau lebih tebal



- Selepas memeriksa saliran, balut sepenuhnya dengan penebat saliran (Bekalan Medan) di sekeliling hos saliran





PENGEDAP DINDING

- Apabila unit luaran dipasang di kedudukan yang lebih tinggi daripada unit dalaman, pasang perangkap agar air hujan tidak memasuki dinding dengan mengalirkannya di dalam paip.
- Sumbat ruang antara paip, wayar elektrik, dan hos saliran dengan "Dempul" dan kedapkan lubang dinding penembusan. Pastikan air hujan tidak memasuki dinding.



* Buat torehan di bahagian perangkap penebat haba (untuk penyaliran air)

BERSAMBUNG KE HALAMAN SETERUSNYA

DICETAK DI MALAYSIA

6 PENDAWAIAN ELEKTRIK

Bagi sumber kuasa utama dan saiz kabel unit luaran, baca manual pemasangan yang dibekalkan bersama unit luaran.

⚠ Amaran	• Penyaman udara ini mestilah dipasang mengikut peraturan pendawaian negara.
	• Kabel yang bersambung dengan unit dalaman mestilah jenis bersarung polikloroprena yang diluluskan 60245 IEC 57 atau H05RN-F/H07RN-F atau yang lebih berat.
	• Unit ini mesti disambungkan kepada kabel bekalan untuk pendawaian kekal oleh juruteknik yang berkelayakan. Pemutus litar mesti dipasang dalam pendawaian kekal menurut peraturan pendawaian negara. Pemutus litar mestilah yang diluluskan, sesuai dengan voltan dan kadar arus peralatan serta pemisahan sambungan sebanyak 3mm dalam semua kutub. Apabila kabel bekalan rosak, ia mestilah diganti oleh juruteknik yang berkelayakan.
	• Pastikan anda memasang pemutus bocoran arus, sesuia utama dan fius kepada bekalan kuasa utama, kerana jika tidak, kejutan elektrik mungkin berlaku.
	• Pastikan anda menyambungkan unit ini kesambungan bumi selamat. Sekiranya kerja pembumian tidak dilakukan dengan betul, kejutan elektrik mungkin berlaku.
	• Wayar mestilah disambungkan dengan selamat menggunakan kabel yang ditetapkan dan lakukan pendawaian dengan sempurna supaya daya luar kabel tidak akan dipindahkan ke bahagian sambungan terminal. Penyambungan dan pemasangan yang tidak sempurna boleh mengakibatkan kebakaran, dll.

1. Pilih sumber kuasa yang berupaya membekalkan arus yang diperlukan oleh penyaman udara ini.
2. Sambungkan punca kuasa dengan unit melalui papan suis pengaliran yang direka bentuk untuk tujuan ini. Suis hendaklah diputuskan sambungannya di semua kutub dengan pemisahan sambungan sekurang-kurangnya 3 mm.
3. Sentiasa bumikan penyaman udara dengan dawai pembumian dan skru supaya mematuhi PERATURAN TEMPATAN.
4. Pastikan anda menyambung wayar penyambungan unit dalaman/luaran ke papan terminal.
5. Pastikan anda mematikan kuasa utama sebelum memasang dan menyambungkan alat kawalan jauh.

Nota	Jika anda ingin menghidupkan bekalan kuasa bagi kedua-dua unit dalaman dan luaran sebentar, jangan matikan kuasa sehingga sekurang-kurangnya selepas 1 minit berlalu. (Untuk tetapan automatik sistem.) Mematikan bekalan kuasa pada pertengahan operasi boleh menyebabkan operasi tidak normal.



Nota

Untuk Bahagian Pilihan yang menghubungkan saiz pendawaian, rujuk kepada Manual Pemasangan Bahagian Pilihan.

MENYAMBUNGKAN WAYAR KE KOTAK KAWALAN

- Keluarkan 2 skru pemasang, buka penutup kotak kawalan, kemudian sambungkan wayar mengikuti prosedur yang diberikan di dalam gambar rajah.



⚠ AWAS	Pastikan skru terminal tidak longgar.

PENDAWAIAN UNIT DALAMAN



*1 Ikat dengan ketat.

Gunakan wayar berperisai untuk pendawaian sistem kawalan bersepadu dan bumikan perisai tersebut di kedua-dua sisi, jika tidak salah operasi daripada hingar boleh berlaku. Sambungkan pendawaian seperti yang dipaparkan di Seksyen "Pendawaian Unit Dalaman".



⚠ AWAS	Semasa menghubungkan unit luaran dalam rangkaian, rintangan penamatan hendaklah dipasang. Kaedah pemasangan rintangan penamatan adalah berbeza mengikut prosedur penyambungan pendawaian kawalan antara unit di dalam pautan.

Tetapkan rintangan penamatan pada kawalan unit dalaman PCB.
Tetapan rintangan penamatan pada waktu penghantaran adalah pada bahagian OPEN (tidak beroperasi).
Jika soket litar pintas digantikan seperti di bawah, rintangan penamatan adalah pada bahagian SHORT (beroperasi).
Ubah tetapan rintangan penamatan pada unit dalaman terdekat dan unit dalaman terjauh daripada sistem kawalan bersepadu kepada bahagian SHORT (beroperasi).
Tetapan 3 atau lebih rintangan penamatan pada bahagian SHORT (beroperasi) adalah dilarang.



Jika pencabangan pendawaian kawalan antara unit, bilangan titik cabang hendaklah 16 atau kurang



KEPERLUAN PEMBUANGAN PEMBALUT WAYAR DAN PENYAMBUNGAN



Alat ini mesti dibumikan dengan betul.
Nota:
Peranti Pengasing (Cara pemutusan sambungan) hendaklah mempunyai ruang sentuh sekurang-kurangnya 3.0 mm.
Wayar Bumi hendaklah berwarna Kuning/Hijau (Y/G) dan lebih panjang daripada wayar lain untuk tujuan keselamatan.
